

Bil.(4)d/m.KKM-82/2/6

hb Ogos 1983

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan.

Semua Pengarah Yayasan.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah/Sarawak.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4/1983

Pengiring Kepada Pembantu-Pembantu Hospital Yang
Memeriksa/Mengendalikan Pesakit-Pesakit Perempuan


Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menerangkan peraturan mengenai pengiring kepada Pembantu-Pembantu Hospital yang memeriksa/mengendalikan pesakit-pesakit perempuan.

2. Pada masa ini Pembantu-Pembantu Hospital dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka ada memeriksa/mengendalikan pesakit-pesakit perempuan, samada di hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan atau institusi lain. Soal pengiring kepada Pembantu-Pembantu Hospital semasa memeriksa/mengendalikan pesakit-pesakit perempuan telah dibangkitkan.

3. Dengan ini adalah diputuskan bahawa setiap Pembantu Hospital yang memeriksa/mengendalikan pesakit-pesakit perempuan hendaklah diiringi atau ditemani oleh seorang pegawai perempuan. Ketua Jabatan tempatan bolehlah menentukan pegawai perempuan yang sesuai sebagai pengiring, bergantung kepada keadaan setempat. Pengiring tidak semesti terdiri dari Penolong Jururawat kerana mereka mungkin lebih perlu untuk tugas-tugas lain.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,


Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Pemangku Ketua Pengarah Kesihatan

s.k: Ketua Setiausaha.

Semua Ketua Bahagian Kementerian Kesihatan.

Ketua Pembantu Hospital KKM

Pengarah Pergigian Negeri.

AKTA PERUBATAN, 1971

Perakuan bagi maksud Sek 13(3)

Ingatan: Perakuan ini hendaklah disertakan dengan Borang 9, Permohonan bagi Pendaftaran Penuh. Tanpa perakuan yang lengkap, permohonan tidak akan dipertimbangkan.

1. Nama
2. No. pendaftaran sementara
3. (i) Nama penuh jabatan/yunit/institusi dimana pegawai telah bertugas
- (ii) Dari hingga
4. Ulasan Ketua jabatan/yunit/institusi:
 - (i)
 - (ii) Dengan ini adalah disahkan bahawa (nama) telah bertugas dengan memuaskan dijabatan/yunit/institusi yang tersebut dalam 3(i) diatas dari (tarikh) hingga

Tarikh

.....
Tandatangan Ketua jabatan/
yunit/institusi.

.....
Nama

5. Ulasan Pengerah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri.

Saya sahkan (nama) telah bertugas dalam perkhidmatan awam seperti tersebut diatas dengan memuaskan.

Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Nama

PENGARAH PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, MELAKA

Telefon: Melaka 28344



BANGUNAN PEJABAT KERAJ,
PERSEKUTUAN
TINGKAT 6,
JALAN HANG TUAH,
MELAKA.

Bil. Surat Kami: PPPK/M. 5560/(116)

Bil. Surat Tuan: (4) dlm. KKM-82/2/6

19hb. April, 1984.

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan,
Malaysia,
Jalan Cenderasari,
Kuala Lumpur.

Datuk,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.4/1983

Pengiring Kepada Pembantu-pembantu Hospital Yang
Memeriksa/Mengendalikan Pesakit-pesakit Perempuan


Merujuk kepada surat Datuk bertarikh 20hb. Ogos, 1983, mengenai perkara tersebut diatas, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa arahan tersebut telahpun dilaksanakan di Hospital Besar, Melaka, Hospital Daerah, Alor Gajah dan juga di ketiga-tiga Daerah di Negeri Melaka.

Sekian. Terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"DADAH - CEGAH SEBELUM PARAH"

Saya yang menurut perintah,


(DR. HJ. M.K.HALLAJ RAHMATULLAH)
Pengarah,
Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan,
Melaka.

mkhr/msq



SEGERA

Bil.(16) dlm. KKM. 82/2/6.

Tarikh: 27hb Jun 1984

Pengarah, Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Pengarah, Yayasan-yayasan dan Institusi.

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri.

Dato'/tuam,

Per: Tugas-tugas pencukoran bagi penyediaan kes-kes pembedahan (aseptic skin preparation in pre-operative surgical care)

Lanjutan kepada surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan No. 39/79 Bil.46 dlm. KK(BRP&K) 22/2 bertarikh 16hb Januari, 1979 mengenai perkara tersebut diatas, adalah dimaklumkan bahawa didalam surat pekeliling tersebut tidaklah dijelaskan kategori kakitangan yang akan membantu perubatan/jururawat dalam tugas-tugas pencukoran bagi penyediaan kes-kes pembedahan (aseptic skin preparation in pre-operative surgical care).


2. Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada Dato'/Tuan bahawa attendan-attendan hospital yang tertentu jika diminta adalah dikehendaki membantu pembantu perubatan/jururawat-jururawat semasa mereka menjalankan tugas-tugas pencukoran keatas kes-kes sebelum pembedahan dijalankan.

3. Sila ambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa arahan ini dibawa ke perhatian pegawai-pegawai yang berkenaan untuk dipatuhi dan dilaksanakan dengan segera.

Sekian, terima kasih.

"APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA AGAMA DAN NEGARA?"

Saya yang menurut perintah,


(Dato' (Dr.) Gurmukh Singh)
Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k- Fail KKM 87(151/1)

Ketua Pengarah Kesihatan.

Puan Saadah bt. Din, Ketua Penolong Setiausaha (J2), Kementerian Kesihatan